

Kompleks Permata Insan USIM siap Januari ini

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**
utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 19 JUN

PEMBINAAN kompleks Kolej Permata Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini berjalan lancar dengan jangkaan siap sepenuhnya kompleks itu pada Januari tahun hadapan.

Pengarah Kolej Permata Insan, Dr. Nik Salida Suhaila Nik Saleh berkata, projek pembangunan dengan kos sebanyak RM68 juta melalui peruntukan Jabatan Perdana Menteri (JPM) ini kini telah siap 73 peratus dan menepati jadual pembinaannya.

“Projek ini dibahagikan kepada dua fasa, di mana pembangunan projek Fasa 1 meliputi asrama lelaki, blok informasi digital dan kemudahan pelajar telah selesai pada 12 Januari lalu dengan kos RM21 juta dan ia telah mula digunakan oleh kumpulan pertama pelajar Kolej Permata Insan seramai 50 orang.

“Sementara pembangunan Fasa 2 yang sedang berjalan kini merangkumi blok pentadbiran, asrama perempuan, blok pembelajaran dan pengajaran (P&P), dewan serbaguna, Pusat Al-Abrar dan dewan makan,” katanya di Nilai, dekat sini hari ini.

Tambahnya, Kolej Permata Insan merupakan ‘Sekolah dalam Kampus’ mempunyai keunikan tersendiri iaitu kurikulumnya



TUANKU MUHRIZ TUANKU MUNAWIR dan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga Canselor USIM berkenan berangkat meninjau kompleks serta mendengar penerangan mengenai pembangunan Kolej Permata Insan USIM dalam lawatan diraja ke USIM di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

berkonsepkan integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

“Kolej ini dibina di atas tanah seluas 4.85623 hektar berdekatan bangunan Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM dan bersebelahan tasik utama USIM untuk mewujudkan suasana pemandan-

gan landskap semulajadi yang cantik,” ujarnya.

Tambah Nik Salida Suhaila lagi, proses permohonan Kolej Permata Insan untuk menjadi Institusi Pendidikan Bantuan Kerajaan (IPBK) sekarang diperingkat akhir kelulusan Kementerian Pendidikan.

“Ini merupakan prosedur yang perlu kita patuhi dan apabila permohonan ini lulus kelak, kolej ini akan memohon status sebagai Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti mana Sekolah Permata Pintar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Di sana mereka menunjukkan kemahiran menghasilkan bahan pembelajaran interaktif dalam versi Bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan tulisan jawi. Ia dapat digunakan secara berkesan dan meluas untuk sesi pembelajaran berasaskan SMART Classroom.”

DR. NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH
Pengarah Kolej Permata Insan

“Silibus akademik dan kokurikulum yang sedia ada menepati ciri-ciri SBP dengan tenaga pengajar seramai 13 orang pensyarah, tujuh orang guru tasmi’ al-Quran dan lima kakitangan pentadbiran.

“Di peringkat sekolah rendah, seramai 250 murid terpilih yang berumur 8 hingga 12 tahun sedang mengikuti modul khas program Permata Insan. Baru-baru ini mere-

ka telah menyertai kem khas yang diadakan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu, Negeri Sembilan,” ujarnya.

Beliau juga memaklumkan, kejayaan terkini yang ditempa pelajar sulung Kolej Permata Insan ialah seramai 18 orang pelajar yang dipilih oleh Apple Malaysia ke Islamic Education Leadership Summit 2015.

“Di sana mereka menunjukkan kemahiran menghasilkan bahan pembelajaran interaktif dalam versi Bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan tulisan jawi. Ia dapat digunakan secara berkesan dan meluas untuk sesi pembelajaran berasaskan SMART Classroom,” tegasnya.

Sementara itu, baru-baru ini Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir serta Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud yang juga Canselor USIM berkenan berangkat meninjau kompleks serta mendengar penerangan mengenai pembangunan Kolej Permata Insan USIM dalam lawatan Diraja.

Program Permata Insan yang diamanaahkan kepada USIM untuk dilaksanakannya merupakan kesinambungan dan perluasan daripada Program Permata seperti Permata Negara, Permata pintar dan Permata Seni yang dinaungi oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.